

Dr Mahathir ajak pengundi hadir ceramah mega PH

Program di tapak Terminal Bas Kukup Laut malam esok dekati masyarakat setempat


Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Petah Wazzan Iskandar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad, mengajak pengundi dalam kawasan Parlimen Tanjung Piai menghadiri ceramah mega di sini malam esok, sempena kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) yang rancak berlangsung.

Hasrat itu disampaikan Perdana Menteri menerusi klip video ringkas yang dimuat naik menerusi akaun media sosial rasmi beliau, semalam.

Antara lain, Dr Mahathir mengajak pengundi menghadiri ceramah mega PH yang dijadual diadakan di tapak Terminal Bas Kukup Laut, bertujuan mendekati masyarakat setempat.

“Saya ingin jemput semua pengundi Tanjung Piai untuk hadir ceramah mega Pakatan Harapan pada Rabu ini iaitu 13 November, jam 8 malam.



Saya ingin jemput semua pengundi Tanjung Piai untuk hadir ceramah mega Pakatan Harapan pada Rabu ini iaitu 13 November, jam 8 malam. Jemput hadir beramai-ramai”

Dr Mahathir Mohamad,
Pengerusi Pakatan Harapan

“Jemput hadir beramai-ramai,” katanya menerusi video berdurasi 23 saat itu.

Penghujung rakaman video berkenaan memaparkan poster dan maklumat berkaitan ceramah berkenaan yang dijangka turut dihadiri pimpinan tertinggi

PH bersama calon mereka, Karmaine Sardini.

Pada sidang media selepas memengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU di Putrajaya di sini semalam, Dr Mahathir berkata, kenyataan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, bahawa beliau 'berseorangan melawan puak DAP di Perak' dibuat kerana terpaksa, berikutan dikelilingi penyokong lawan yang agresif.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BERSATU berkata, parti itu tidak akan mengambil tindakan terhadap Ahmad Faizal, malah hubungan beliau dengan DAP Perak juga baik.

“Dia di hadapan nelayan yang begitu agresif, mereka anggap PH dikuasai DAP, jadi dia terangkan walaupun banyak DAP di Perak, tetapi dia masih jadi menteri besar dan menguasai kerajaan.

“Bukan bermakna DAP kuasai kerajaan (Perak), yang kuasai kerajaan ialah Menteri Besar, dia kena jelaskan sebab orang ini (penyokong lawan) agresif dan ekstrem.

“Kalau kata betul kami duduk bawah DAP (di hadapan penyokong lawan), kalahlah (PH), jadi nak dapat sokongan kena terangkanlah,” katanya.

Baru-baru ini, video Menteri Besar Perak yang mendakwa beliau berseorangan dalam melawan DAP demi mempertahankan tanah Melayu dan agama Islam, tular di media sosial.

Bagaimanapun, Ahmad Faizal mendakwa kenyataannya itu diambil di luar konteks.

Mengenai kenyataan beberapa pemimpin DAP dan PKR Perak yang mahu tindakan diambil terhadap Ahmad Faizal, Dr Mahathir berkata, hubungan Menteri Besar dan pemimpin rakan gabungan PH di Perak dalam keadaan baik.

“Tiada masalah, tak berkelahi pun (dengan PKR dan DAP Perak), (kalau berkelahi) saya nak bagi sarung tangan (tinju), dia ada dalam sidang media ini, berani menghadapi (wartawan),” katanya.

Mengenai Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai, Perdana Menteri berkata, parti itu sedar ada beberapa masalah tetapi yakin pengundi yang dulu menyokong Barisan Nasional (BN), bertukar pendirian menyokong PH.

Beliau berkata, masih ada penduduk di Tanjung Piai beranggapan beliau adalah Presiden UMNO, walaupun kini mengetuai kerajaan PH.

“Saya dilantik sebagai Perdana Menteri kerajaan PH, saya harap kita beritahu semua orang bahawa saya dari PH, PH terima saya sebagai Perdana Menteri,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, jumlah keahlian BERSATU di seluruh negara semakin meningkat dan mencecah kira-kira 500,000 orang dengan keahlian paling tinggi direkodkan di Sabah.

BH - 12/11/2019 m/s: 12